

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**KAWASAN : LIBARAN**

**SOALAN:**

**YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai akhir yang bakal menjadi Rakan Pelaksana Projek bagi Lebuhraya Trans-Borneo di negeri Sabah dan setakat mana kos projek termasuk reka bentuk telah diteliti dalam bengkel pengurusan nilai bagi lebuhraya Trans-Borneo.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jemaah Menteri pada 3 Mac 2016 lalu secara prinsipnya telah bersetuju dengan cadangan pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah melalui kaedah Rakan Pelaksana Projek atau PDP ('Project Delivery Partner').

Projek ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd., iaitu NEWCO gabungan antara syarikat yang mewakili entiti Kerajaan Negeri Sabah, Warisan Tarang Sdn. Bhd. (60%) dan juga Konsortium UEM-MMC (40%). NEWCO ini akan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai 'Special Purpose Vehicle' (SPV) untuk projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah. Manakala pemilihan kontraktor untuk 35 pakej yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara tender prakelayakan (pre-qualification) oleh PDP terlibat .

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah ini akan diterajui oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui Jawatankuasa Eksekutif ('Executive Committee – EXCO') Peringkat Tertinggi yang akan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan dianggotai oleh wakil-wakil Agensi Kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri yang terlibat. Di bawah jawatankuasa utama ini terdapat dua Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Kawalan Kos yang berperanan untuk meneliti dan mencadangkan sebarang isu-isu berkaitan bidang kuasa masing-masing kepada jawatankuasa

utama. Ini termasuklah penentuan reka bentuk dan kos projek yang akan diperhalusi melalui Makmal Pengurusan Nilai terlebih dahulu sebelum ia diangkat dan diputuskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Peringkat Tertinggi.

Sekian, terima kasih.